

17/07/1999

Wawasan besar Dr Mahathir untuk Kelantan

KEDUDUKAN Kelantan sebagai Serambi Makkah tercipta manakala pusat peradaban Islam beralih dari Aceh, ke Melaka kemudian ke Patani. Kerajaan Islam di Selatan Siam tertakluk di bawah Siam, pusat pengajian Islam beralih ke Kelantan yang menjadi pusat pengajian Islam untuk seluruh nusantara. Kelantan sebagaimana negeri Melayu di Pantai Timur diabaikan oleh British. Bahkan Jabatan Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan sendiri terpaksa mempelopori usaha membangunkan sebuah sekolah Inggeris di Kelantan kerana kerajaan British berpendapat rakyat Kelantan tidak layak mempelajari bahasa Inggeris. Yang demikian rakyat Kelantan mempunyai tradisi bergantung kepada ikhtiar dan inisiatif sendiri untuk memajukan diri mereka. Bahkan dalam zaman merdekapun, Kelantan terpinggir dalam pembangunan. Datuk Asri Muda sendiri terpaksa membuka tanah hutan untuk dijadikan kawasan ladang. Masalah besar Kelantan pada masa itu ialah kekurangan tanah. Rakyat Kelantan terpaksa berhijrah ke merata negeri di luar Kelantan untuk membuka tanah dan bercucuk tanam. Kini Kelantan mencapai kemajuan walaupun tidak sepesat kadar kemajuan negeri lain. Tetapi potensi untuk mencapai kemajuan yang lebih pesat masih banyak di negeri itu. Ia kaya dengan sumber alam. Bahkan dikatakan bahawa di perairan Kelantan terdapat minyak dan gas.

Pada hemat saya apa yang mendorong pemimpin seperti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengambil alih pemerintahan Kelantan bukanlah semata-mata hendak menambah sebuah lagi negeri dikuasai Barisan Nasional (BN). Dr Mahathir bertekad hendak menggabungkan Kelantan dalam wawasannya untuk meningkatkan taraf sosioekonomi Kelantan sebagaimana negeri Melayu yang lain. Selama Kelantan terkeluar daripada pembangunan arus perdana, selama itu Kelantan akan tercicir.

Saya berasa Dr Mahathir berkehendakkan Kelantan bukan kerana Kelantan di bawah sebuah kerjajaan pembangkang melainkan ia berkehendakkan Kelantan sama-sama menyertai pembangunan sosioekonomi yang dinikmati seluruh rakyat negara ini. Tengku Razaleigh Hamzah mengumumkan beberapa rancangan ekonomi yang agak besar untuk Kelantan sekiranya BN memegang teraju negeri itu. Antaranya ialah rancangan memperbesarkan lapangan terbang Kota Bharu dan sebuah universiti. Sudah tentu ada banyak lagi projek seumpama ini yang sedang dan akan dirancang untuk Kelantan oleh BN pada masa hadapan.

Dr Mahathir pernah meminta usahawan anak jati Kelantan yang telah menempa kejayaan di luar negeri itu supaya sama-sama menyumbang kepakaran dan kekayaan mereka untuk membangun negeri mereka. Sejauhmana seruan itu telah bersambut tidaklah dapat dipastikan. Tetapi seruan itu membayangkan betapa Mahathir memberi keutamaan kepada pembangunan sosioekonomi Kelantan. Allahyarham Tun Abdul Razak pernah menawarkan biaya sejumlah RM500 juta kepada Kelantan kalau sekiranya rakyat Kelantan mengundi BN dalam pilihan raya umum pada suatu waktu dahulu. Tawaran itu ditolak rakyat Kelantan. Mereka sebaliknya memilih Pas. Kini Dr Mahathir tidak membuat apa-apa tawaran seperti itu. Tetapi tidaklah syak bahawa Mahathir mempunyai gagasannya sendiri yang lebih besar untuk memastikan bahawa Kelantan dalam memasuki alaf baru tidak akan ketinggalan berbanding negeri lain di Malaysia.

Tokoh Umno yang setiap gerak gerinya diikuti oleh umum ialah Tengku Razaleigh. Ini ialah kerana jawatan yang diamanahkan Presiden Umno itu kepadanya sebagai Ketua Perhubungan Umno Kelantan. Sejak Ku Li merujuk kepada Umno setelah membubarkan Parti Melayu Semangat 46 (Semangat 46),

beliau tidak memegang apa-apa jawatanpun dalam Umno walaupun pelbagai spekulasi berkisar atas rancangannya pada masa hadapan. Beliau tidak dilantik menjadi Timbalan Presiden sebagaimana yang dijangka ramai pemerhati. Jawatan itu disandang Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Ku Li hanya puas hati menjadi pemerhati saja menepati janjinya dahulu ketika kembali kepada Umno bahawa beliau sanggup menjadi 'Gurkha' saja. Tetapi adalah mustahil tokoh yang berkaliber seperti Ku Li akan dibiarkan menjadi 'Gurkha'. Antara barisan pemimpin Umno sekarang, kecuali beberapa tokoh, Ku Li boleh dikatakan sejajar dalam pengalaman sebagai pejuang Umno, pernah memegang jawatan penting dalam Kabinet, pernah menjadi orang kepercayaan Tun Razak serta pernah memimpin Umno Kelantan. Masakan bakat dan potensi tokoh seperti Ku Li harus diabaikan oleh parti.

Kini Ku Li memegang jawatan Ketua Perhubungan Umno Kelantan. Sudah tentu pelantikan itu ada hubungkaitnya dengan pilihan raya umum akan datang. Agenda BN yang utama sekali ialah hendak merampas kembali Kelantan daripada Pas. Dapatkah Ku Li merampas Kelantan bagi pihak Umno dan BN? Menteri Besar Kelantan Datuk Abdul Nik Aziz Nik Mat mengatakan Ku Li telah dilupakan rakyat Kelantan. Barangkali sekiranya Ku Li pemimpin biasa di Kelantan, perkara itu tidak mustahil. Tetapi Ku Li ialah seorang tokoh besar Kelantan. Bersama Pas dalam Gagasan Perpaduan Ummah dalam 1990 dahulu Ku Li merampas Kelantan menyapu licin semua kawasan negeri itu. Adakah kemenangan itu semata-mata kerana pengaruh Pas atau adakah Pas dan Semangat 46 berkongsi pengaruh mencapai kemenangan itu.

Saya masih ingat mengunjungi Kelantan ketika heboh berlaku krisis dalam Umno mengenai kedudukan Ku Li. Putera raja itu keluar daripada Umno untuk bertanding melawan Dr Mahathir merebut jawatan presiden Umno. Sahabat handai dan kaum keluarga saya di Kelantan pada masa itu berbelah bagi mengenai sokongan mereka kepada Ku Li. Tetapi mereka yang dalam Umno sekalipun berpendirian bahawa Ku Li harus diberi peluang menjadi Perdana Menteri. "Orang Pahang, orang Kedah dan orang Johor merasa menjadi Perdana Menteri. Tetapi orang Kelantan belumpun merasa memegang jawatan itu. Sepatutnya kali ini giliran orang Kelantan pula menjadi Perdana Menteri", demikian pendapat kaum keluarga saya. Kepada mereka Ku Li mempunyai kaliber sebagai Perdana Menteri. Pertama sekali, dia telah lama berjuang dalam Umno. Kedua, dia putera raja seperti Tunku Abdul Rahman juga dan ketiga, dia rapat dengan rakyat. Orang-orang Kelantan yang menyokong Ku Li sebagai Presiden Umno tidak mengambil kira bahawa jawatan Presiden sebagaimana lain dalam Majlis Tertinggi harus dipertandingkan secara demokratik. Mereka merasa tidak demokratik menafikan hak jawatan Perdana Menteri kepada Kelantan yang mereka anggap begitu gigih memperjuangkan kemerdekaan negara sejak Malayan Union dahulu. Orang-orang Kelantan bangga bahawa mereka mengambil peranan penting dalam pembangunan bangsa dalam bidang bahasa, sastera dan agama.

(END)